



18 SEP, 2025

Petugas Sabah Electricity dihanyutkan arus deras



Harian Ekspres (KK), Malaysia

Petugas Sabah Electricity dihanyutkan arus deras

KOTA KINABALU: Seorang petugas Sabah Electricity Sdn Bhd hilang dihanyutkan arus deras ketika bertugas di sebuah kampung di Keningau, lewat malam Selasa.

Sabah Electricity dalam kenyataan Rabu memaklumkan pasukan penyelamat bersama dengan pihak berkuasa berkaitan telah digerakkan ke lokasi kejadian dan usaha pencarian sedang giat dijalankan.

"Keutamaan kami ketika ini adalah keselamatan serta kebajikan kakitangan yang terlibat di samping memberikan sokongan penuh kepada keluarga mangsa.

"Sabah Electricity akan terus bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa dalam operasi ini dan akan memaklumkan perkembangan lanjut dari semasa ke semasa," katanya.

Sabah Electricity turut memohon semua pihak agar menghormati sensitiviti situasi ini dan memberi ruang kepada keluarga mangsa yang sedang melalui detik sukar.

Terdahulu, tular di media sosial video memaparkan kenderaan pacuan empat roda syarikat itu yang terperangkap dalam banjir dengan arus deras, dan memaklumkan pasukan berkenaan sedang melaksanakan operasi pemulihan kerana kampung terbabit terputus bekalan elektrik.

Keningau merupakan sebuah daerah di pedalaman Sabah yang terletak kira-kira 110 kilometer arah selatan dari Kota Kinabalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Sabah Mohd Pizar Aziz berkata mangsa merupakan seorang lelaki berusia lingkungan 30-an dan usaha mencari serta menyelamat sedang dilaksanakan.

Beliau berkata pihaknya menerima laporan mengenai insiden itu pada 9.47 malam tadi sebelum tiba di lokasi kejadian di Kampung Nuntunan Apin-Apin, Keningau pada 10.24 malam.

"Terima laporan bahawa terdapat seorang mangsa dikhuatiri lemas dibawa arus banjir ketika mencuba menyeberangi jambatan... pakaian terakhir mangsa adalah ves Sabah Electricity.

"Jumlah mangsa yang terlibat adalah tiga petugas Sabah Electricity, dua berjaya menyelamatkan diri manakala seorang lagi dibawa arus banjir," katanya ketika dihubungi.

Dalam operasi Rabu, JBPM Sabah pada sebelah petang menangguhkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) petugas Sabah Electricity.

Mohd Pizar berkata operasi SAR itu disambung semula hari ini.

Beliau berkata operasi Rabu yang dimulakan 9.30 pagi melibatkan pencarian sejauh 40 kilometer radius sekitar Sungai Pagalan iaitu melalui Sungai Kampung Banjar, Sungai Kampung Mempikit dan Sungai Kampung Rimbayan.

"Maklumat daripada orang awam pada 1.06 pagi terlihat kelibat mangsa di Sungai Kepayan, Keningau namun mangsa telah dibawa arus deras.

"Tidak lama selepas itu, mangsa sekali lagi kelihatan di Sungai Baginda pada 1.15 pagi tetapi usaha menyelamat sukar dilakukan akibat arus air terlalu deras.

"Sehingga kini mangsa masih belum dijumpai," katanya menerusi kenyataan di sini, Rabu. – Bernama